

PARLIMEN KESEMBILAN
PENGGAL KEEMPAT
MESYUARAT KETIGA

Jilid IV
1998

Bil. 45

Hari Jumaat

23 Oktober

K A N D U N G A N

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1999

(Ruangan)

USUL:

Anggaran Pembangunan 1999

(Ruangan)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kewangan I, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., DPMS, PCM, AMN (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, D.G.P.N, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tugas-tugas Khas, Tun Daim Zainuddin, S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P.)

“ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

“ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

- “ Menteri Penerangan, Datuk Seri Mohamed bin Rahmat, D.G.S.M., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.D.K., S.S.S.A., S.P.M.T., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato’ Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.S.I., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)

- “ Menteri Kesihatan, Dato’ Chua Jui Meng, S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Menteri Kewangan II, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., S.P.M.P., D.P.M.K., D.S.S.A, D.S.A.P., D.P.CM., A.M.P., A.M.K (Pasir Salak)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)

- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)

- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)

- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Datuk Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato’ Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Muhammad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Dato’ Chor Chee Heung, D.S.D.K. (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato’ Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Datuk Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato’ Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato’ Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)

- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Dato’ Seri Anwar bin Ibrahim, S.P.M.P., S.P.C.M., S.S.A.P., D.U.P.N., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)
- “ Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato’ Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Tuan Chang See Ten (Gelang Patah)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)

- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato’ Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Haji Hashim bin Jasin (Arau)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato’ Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)

- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Dato’ Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)

- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Haji Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)

- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Nointien, A.D.K. (Penampang)
- “ Datuk Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tan Sri Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)

- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Maringking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato’ Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

- Setiausaha Dewan Rakyat : Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan,
P.S.D., J.S.D., K.M.N.
- Ketua Penolong Setiausaha : Zamani bin Haji Sulaiman
: Haji Mustakin bin Selamat
- Penolong Setiausaha : Nor Hayatee binti Abdullah
: Haji Mustafa bin Abdul Rahman
: Ruhana binti Abdullah

CAWANGAN DOKUMENTASI

- Pegawai Penerbitan : Azhari bin Hamzah
: Monarita binti Mohd. Hassan
- Pelapor Perbahasan Parlimen : Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.
: Hajah Supiah binti Dewak
: Mohd Saleh bin Mohd. Yusop

: Mohamed bin Osman
: Hajah Norishah binti Mohd. Thani
: Shamsina binti Janor

: Nora'ini binti Hetam
: Ramlah binti Mohd. Yusuff
: Miskiah binti Hassan
- Pembaca Prof : Abu Bakar bin Hasan

CAWANGAN BENTARA

- Bentara Mesyuarat: : Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
: Mejar (B) Zakaria bin Salleh

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Jumaat, 23 Oktober 1998

Mesyuarat dimulakan pada pukul 4.00 petang

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1999

Bacaan Bagi Kali Yang Kedua

Tuan R. Karpal Singh: Point of order!

Tuan Yang di-Pertua: Sila, Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Peraturan 66(1). [*Menyampuk*]

Seorang Ahli: Apa mahu kacau-kacau!

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Hai Jelutong, mahu jadi heroin.

[*Ketawa*]

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, ini Dewan Rakyat atau pasar? Tuan Speaker boleh membuat satu ruling sama ada Dewan Rakyat atau pasar. Jika Dewan Rakyat, behave like one.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Hai bai duduklah!

Tuan R. Karpal Singh: Ini kelakuan Mr. Prime Minister that what you have.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan R. Karpal Singh: Discipline for haven't sake, discipline them.

[*Menyampuk*]

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Discipline your own people first.

Tuan R. Karpal Singh: Discipline yourself first.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Sila, Yang Berhormat dari Jelutong. Apa point of order itu? Apakah dia?

Tuan R. Karpal Singh: Bolehkah semua sabar dahulu sebelum saya membaca.

Tuan Yang di-Pertua: Bacalah.

Tuan R. Karpal Singh: Sebagai seorang bekas hakim tentu boleh kawal orang-orang seperti ini.

Seorang Ahli: Apalah lu, bai!

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Take care of your back side!

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat. Sila bacakan.

Tuan R. Karpal Singh: Sebelum saya baca, saya tidak mahu apa-apa gangguan dalam Dewan Rakyat ini. *[Menyampuk]* “66(1) Hendaklah dibawa ke dalam Majlis satu Rang Undang-undang Perbekalan.” Dalam penghujahan saya pada satu Konvensyen, iaitu Menteri Kewangan yang sah boleh membentangkan usul seperti ini. Ada dua Menteri Kewangan, Menteri Kewangan Pertama dan Menteri Kewangan Kedua. Dan penghujahan saya kedua-dua ini tidak sah. *[Menyampuk]* Menteri Kewangan yang sah adalah Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh. *[Menyampuk]*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Mana turban?

Seorang Ahli: Baliklah!

Tuan R. Karpal Singh: Bagi sokong penghujahan itu, saya rujuk kepada Perkara 43(5) Perlembagaan. Subject to clause 4, dengan izin, “*Minister other than the Prime Minister shall hold office during the pleasure of the Yang di-Pertuan*”

Agong.” Ini penting. “*Unless the appointment of any Minister shall have been revoked by the Yang di-Pertuan Agong on the advice of the Prime Minister but any Minister may resign his office.*” Apa yang saya mengetahui Menteri Kewangan yang sah iaitu Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh tidak letak jawatan. Saya mahu ketentuan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Adakah the appointment of this minister that revoke by the Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, jika ya, bila? Bolehkah saya dapat tahu...

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Don't waste timelah bai!

Tuan R. Karpal Singh: I suggest stand up! [*sambil mengarahkan kepada Datuk Haji Mohamad Nazri bin Abdul Aziz*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cukup.

Tuan R. Karpal Singh: Kalau berani stand up!

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Ini bai murtad.

Tuan R. Karpal Singh: Stand up!

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Jelutong, sudahlah.

Seorang Ahli: Sit down!

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Baling kepala baru tahu!

Tuan R. Karpal Singh: Apa yang saya hairan Tuan Speaker, Ahli-ahli Dewan rakyat Barisan Nasional kelakuan sebagai binatang.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Bai, lu main pungkurkah?

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*] Baliklah lu bai! Tarik balik bai!

Seorang Ahli: Lu mahu mampuskah!

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya minta Yang Berhormat tarik balik perkataan ‘binatang’.

Tuan R. Karpal Singh: Saya tidak tarik balik.

Beberapa Ahli: Tarik balik bai!

Tuan R. Karpal Singh: Saya menegaskan ‘binatang’.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tarik balik bai!

Tuan Yang di-Pertua: Kalau tidak tarik balik saya akan minta supaya Yang Berhormat keluar daripada Dewan.

Beberapa Ahli: Tarik balik!

Tuan R. Karpal Singh: Bagaimana orang lain?

Seorang Ahli: Apa ini!

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, bolehkah saya dapat tahu bagaimana orang lain.

Tuan Yang di-Pertua: Orang lain tidak menggunakan perkataan ‘binatang’.

Tuan R. Karpal Singh: Bukan binatang sahaja, ‘binatang liar’.

Seorang Ahli: Bai, duduk!

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: ‘Binatang liar’, Tuan Speaker, peraturan Dewan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat yang lain sila senyap. Yang Berhormat dari Jelutong, sila tarik balik perkataan itu.

Tuan R. Karpal Singh: Saya boleh tarik balik.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tarik balik, bai!

Seorang Ahli: Tanpa syarat.

Tuan R. Karpal Singh: Itu boleh, Tuan Speaker.

Tuan Yunus bin Rahmat: Bai kurang ajar!

Tuan R. Karpal Singh: ‘Kurang ajar’ boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Bai, jaga belaknglah!

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan R. Karpal Singh: Saya boleh tarik balik, itu tidak ada masalah, Tuan Speaker. Itu semua boleh dikekalkan, boleh masuk dalam *Hansard*.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Point of order.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Menggunakan perkataan yang biadab, iaitu bertentangan dengan perkara 36(4), Tuan Yang di-Pertua. *[Tepuk]* Kita mohon supaya Yang Berhormat dari Jelutong menarik balik. Jika tidak, kita menggesa supaya Tuan Speaker menghalau dia keluar daripada Dewan ini. *[Tepuk]*

Tuan R. Karpal Singh: Ini orang bodoh, saya sudah tarik balik tadi. *[Ketawa] [Menyampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, point of order sekali lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: 34, Tuan Yang di-Pertua. Perkataan 'bodoh' pun sudah diputuskan dalam Dewan ini bahawa perkataan itu adalah perkataan biadab dan minta tarik sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Perkataan 'bodoh' pun telah dianggap sebagai perkataan....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Okay 'bodoh' tarik balik!

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Hai pekak tarik balik!

Tuan R. Karpal Singh: Saya tarik balik tetapi ganti dengan 'tak berapa pandai'. *[Ketawa]*

Seorang Ahli: Lembu! *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Amat Berhormat, sila teruskan. Ada hendak jawab sedikit berkenaan apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelutong?

Perdana Menteri dan Menteri Kewangan I: Ya. Tuan Yang di-Pertua, saya telah sampaikan keputusan saya sebagai Perdana Menteri untuk melucutkan jawatan Dato' Seri Anwar bin Ibrahim sebagai Timbalan Perdana Menteri dan sebagai Menteri Kewangan, dan Yang di-Pertuan Agong tidak ada tentangan apa-apa.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, penjelasan. Adakah di'revoke'kan, bukan sampaikan keputusan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Adakah Yang di-Pertuan Agong revoke the ministership of....adakah itu digazetkan. Jangan main-main dalam Dewan yang mulia ini. *[Menyampuk]* Ada dilucut.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Sampaikan itu lain. Keputusan yang disampaikan itu bukan apa yang ada dalam perkara 43. Adakah itu di'revoke'kan oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Adakah itu dibuat? Jika tidak, ini semua tidak sah.

Tuan Yang di-Pertua: Jelutong, cukuplah!

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Duduklah bai!

Tuan R. Karpal Singh: Belanjawan bagi tahun 1999 tidak sah jika apa yang ada dalam perkara 43 tidak diikuti. Seorang sahaja boleh membentangkan usul ini, iaitu Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh sebagai Menteri Kewangan yang sah. Jangan main-main.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, Yang Amat Berhormat.

Perdana Menteri dan Menteri Kewangan I: Tuan Yang di-Pertua, saya telah sampaikan keputusan saya, sama ada menyampaikan itu merupakan satu

nasihat ataupun tidak iaitu terpulang kepada Ahli Yang Berhormat. Tetapi pada pendapat saya itu adalah nasihat kepada Yang di-Pertuan Agong, dan Yang di-Pertuan Agong menerimanya. *[Tepuk]* Kemudian daripada itu senarai Ahli-ahli Kabinet telah pun diumumkan.

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan ucapan.

Tuan R. Karpal Singh: Adakah itu digazetkan?

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat dari Jelutong, cukuplah.

Tuan R. Karpal Singh: Bukan cukup, ini satu perkara penting.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah. Cukuplah Yang Berhormat. Sila teruskan.

Seorang Ahli: Duduklah Jelutong!

Tuan R. Karpal Singh: Ucapan yang dibuat without mengikut undang-undang apa yang dibuat selepas itu semua tidak sah.

Tuan Yang di-Pertua: Itu terpulanglah kepada keadaan, dan pada fikiran saya gazet ataupun tidak gazet itu tidak menjejaskan sama ada legal atau tidak. Sila teruskan Yang Amat Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: It must be sue in court.

Beberapa Ahli: Cukup!

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Hai, bai tiga silinder.

4.15 ptg.

Perdana Menteri dan Menteri Kewangan I: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya suatu Rang Undang-undang bertajuk "Suatu Akta

bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1999 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan tahun itu” dibacakan bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, ekonomi negara masih lagi terperangkap dalam krisis kewangan serantau yang melanda beberapa negara Asia Timur sejak pertengahan tahun 1997. Sungguhpun krisis ini telah berlarutan selama hampir 16 bulan, belum ada tanda-tanda ke arah kestabilan. Sementara itu, banyak negara Asia telah menjadi mangsa kepada spekulasi mata wang serta ketidakstabilan aliran modal jangka pendek. Malahan, Hong Kong sebuah pasaran bebas yang memiliki simpanan mata wang asing yang amat besar, juga tidak terlepas daripada tekanan terhadap mata wang dan pasaran sahamnya. Krisis ini juga telah merebak ke Russia dan negara-negara Amerika Latin. Walaupun begitu, masyarakat antarabangsa tidak sedikit pun menunjukkan ‘sense of urgency’ serta kesungguhan dan komitmen dalam menangani masalah ini. Mereka termasuk Dana Mata Wang Antarabangsa (IMF) telah banyak menubuhkan jawatankuasa dan kumpulan kerja untuk kononnya mencipta sebuah ‘architecture’ baru sistem kewangan antarabangsa. Tetapi, sesi ini lebih merupakan ‘rhetoric’ daripada berusaha mewujudkan penyelesaian konkrit. Sementara itu ternampak jelas bahawa semakin banyak negara yang dijangkiti kegawatan ekonomi. Keruntuhan sistem kewangan global juga mungkin menjadi kenyataan.

Sejak krisis ini bermula lebih setahun lalu, negara-negara yang dilanda kegawatan ekonomi seperti Thailand, Indonesia dan Korea Selatan telah melaksanakan pelbagai langkah pengubahsuaian pengurusan makro ekonomi dan reformasi kewangan, termasuk langkah-langkah memperketat dasar kewangan dan fiskal mengikut kehendak IMF. Langkah-langkah ini menurut IMF boleh memulihkan semula keyakinan pemodal antarabangsa terhadap kekukuhan mata

wang dan pasaran saham negara berkenaan serta melindungi negara-negara tersebut daripada risiko sistematik krisis kewangan. Tetapi pemodal jelas tidak yakin dan para spekulator terus menekan mata wang dan saham sehingga keadaan ekonomi menjadi lebih teruk. Pengurusan ekonomi menjadi lebih sulit dan kos perniagaan meningkat. Hutang tak berbayar (NPL) bank-bank meningkat dan syarikat mengalami kerugian yang besar. Kerajaan-kerajaan pula tidak dapat memungut hasil yang cukup untuk membiayai perbelanjaan.

Walaupun Malaysia tidak berada di bawah telunjuk IMF, kita pada mulanya telah mengikut pendekatan yang disarankan oleh badan itu. Bank Negara telah menaikkan kadar faedah pinjaman dan mengekang kredit secara mendadak. Tempoh NPL disingkatkan dari enam kepada tiga bulan pada 18 Oktober 1997. Pertumbuhan keseluruhan jumlah kredit bagi 1997 dihadkan kepada 25%. Malah ada juga cadangan supaya bank-bank yang bermasalah terus ditutup. Langkah-langkah tersebut yang dikuatkuasakan secara mengejut ternyata mengakibatkan kesan yang amat negatif kepada pasaran kewangan dan ekonomi negara keseluruhannya.

Memendekkan tempoh NPL ketika Ringgit dan pasaran saham menjunam dan diserang hebat oleh para spekulator serta rejim kadar faedah tertinggi, adalah suatu tindakan yang tidak bijak yang dilakukan tanpa pertimbangan terhadap kesan buruk yang mungkin berlaku. Jumlah peruntukan tambahan oleh institusi perbankan bagi mematuhi pengkelasan tiga bulan NPL dan dasar peruntukan spesifik sebanyak 20% adalah dianggarkan sebanyak RM7 bilion. Oleh itu, keuntungan sebenar yang dicatatkan oleh institusi perbankan hanya berjumlah RM169.8 juta bagi tahun kewangan 1997. Sebenarnya, tidak ada asas langsung untuk mengetatkan

pengkelasan NPL kerana sistem perbankan mempunyai peruntukan yang lebih daripada mencukupi bagi hutang tak berbayar.

Ketika pertumbuhan kredit sebanyak 25% itu dijadikan matlamat bagi 1997, kebanyakan institusi kewangan sudah pun melangkaui had kredit yang ditetapkan. Bank terpaksa menarik balik kredit dan tidak memberi pinjaman atau kredit baru. Semua ini menyebabkan syarikat-syarikat, golongan usahawan, para peniaga dan individu-individu menghadapi masalah aliran tunai yang serius sehingga perniagaan mereka terjejas dengan teruk dan bayaran hutang tidak dapat dibuat.

Walaupun ekonomi dan kewangan negara jelas tenat, dasar kewangan yang ketat terus dilaksanakan oleh Bank Negara dan pihak yang mengawasinya, kerana mereka begitu taksud dengan IMF yang dianggap oleh mereka sebagai pakar ekonomi yang tidak ada tolok bandingnya.

Oleh kerana itu, walaupun Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) telah mencadangkan sejak Januari 1998 pelbagai langkah yang sesuai bagi memulihkan ekonomi, Bank Negara enggan melaksanakannya. Sepanjang masa Bank Negara mendakwa bahawa keadaan bank di Malaysia adalah sihat.

Biasanya negara yang mengikut kehendak IMF mendapat wang berbilion-bilion dolar. Kita yang ketika itu juga setia melaksanakan program ala IMF tidak pernah mendapat satu sen pun.

Sementara itu keadaan ekonomi dunia telah menjadi lebih buruk. Walaupun negara maju di Eropah dan Amerika Utara mendakwa mereka tidak akan merasai apa-apa kesan buruk daripada kegawatan ekonomi Asia Timur, tetapi semakin lama semakin jelas ekonomi dan kewangan mereka juga turut merosot.

Melihat aliran ini dan keengganan negara maju bertindak membendung kegiatan pedagang mata wang, kita tidak ada pilihan lain melainkan mengambil tindakan sendiri untuk melindungi ekonomi kita. Inilah masanya kita perlu mengamalkan kepercayaan bahawa “Kita Boleh” dan “Negara kita, tanggungjawab kita”. Kerajaan dan rakyat Malaysia mestilah memikul bersama usaha memulihkan negara kita. Orang lain tidak akan menolong kita.

Justeru itu, kerajaan berpendapat negara perlu mencuba pendekatan lain walaupun yang luar biasa. Kajian mendalam telah dibuat oleh MTEN tentang pendekatan yang mungkin dapat menyelamatkan negara.

Oleh kerana ternampak jelas masalah ekonomi dan kewangan negara disebabkan pedagang mata wang menurunkan nilai Ringgit dengan begitu mendadak dan berterusan, dan ini menjadikan negara dan rakyat miskin, maka MTEN memutuskan untuk melindungi Ringgit dan saham Malaysia daripada diniagakan oleh pihak asing. Dengan menjadikan Ringgit hanya laku sebagai mata wang dalam Malaysia sahaja dan Ringgit yang berada di luar negara tidak boleh dibawa balik ke Malaysia, maka sekali gus ‘offshore’ Ringgit dihapuskan dan tidak lagi boleh dijual beli oleh pedagang mata wang. Dengan ini, mereka akan terpaksa membawa balik Ringgit dengan segera ke Malaysia dan ini menambah mudah tunai kita. Dengan ini juga, mereka tidak lagi boleh menaik dan menurunkan nilai Ringgit sesuka hati. Kuasa menentukan nilai Ringgit diperolehi semula oleh kerajaan. Seperti yang dijangka, Ringgit yang berada di luar negara telah dikembalikan. Penghantaran balik Ringgit dari luar negara ke Malaysia telah menyumbang kepada peningkatan deposit wang kertas oleh rakyat Malaysia sebanyak RM1.5 bilion pada akhir September dan tambahan sebanyak RM4.9 bilion

pada 8 Oktober bagi deposit akaun luar yang dipegang oleh bukan pemastautin dalam sistem perbankan Malaysia. Akhirnya sistem perbankan kita mempunyai cukup wang untuk memberi pinjaman.

Dalam negara, Ringgit boleh digunakan seperti biasa. Mata wang asing boleh ditukar dengan Ringgit hanya dalam Malaysia. Tidak ada masalah untuk membeli barangan luar negara kerana mata wang asing mencukupi dalam Malaysia untuk ditukar dengan Ringgit dan digunakan untuk membayar barangan yang diimport. Penjualan barangan Malaysia ke negara asing akan dibayar dengan mata wang asing supaya negara memperolehi cukup wang asing untuk membayar barangan yang diimport.

Tekanan ke atas pasaran saham pula diatasi dengan menentukan sebarang jual beli saham Malaysia yang tidak dibuat melalui Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), dianggap tidak sah dan tidak akan diiktiraf. Dengan ini, perniagaan saham di Singapura melalui 'Central Limit Order Book' atau CLOB tidak lagi dapat dibuat. Pasaran inilah yang menyebabkan harga saham kita jatuh dengan mendadak dan teruknya. Berita-berita angin yang selalunya dicipta dan disebar oleh Singapura untuk mempengaruhi pasaran dan menjatuhkan harga saham kita tidak boleh dibuat lagi. Semua saham mesti diurusniagakan di BSKL atas nama pemilik sebenar (beneficial owner) dan tidak lagi atas nama nomini. Ini adalah kerana perniagaan antara pemilik-pemilik yang menggunakan nomini yang sama tidak perlu didaftar dengan BSKL. Tetapi perniagaan antara mereka mempengaruhi harga saham di BSKL juga. Dengan dihapuskan sistem nomini, perniagaan tersembunyi di antara pemilik-pemilik yang berdaftar melalui nomini yang sama tidak lagi dapat dibuat. Perniagaan saham menjadi lebih terbuka, lebih telus. Dengan ini juga, semua

perniagaan saham dikembalikan ke Malaysia. Semua urusanniaga saham dan komisen juga akan diperolehi oleh rakyat dan broker saham Malaysia. Syarikat broker saham hendaklah memperkukuhkan lagi kedudukan kewangan mereka dan meningkatkan kecekapan, termasuk melalui penggabungan. Sudah tentu cukai kerajaan daripada perniagaan saham Malaysia akan meningkat.

Dengan mengasingkan mata wang Malaysia dan saham syarikat Malaysia daripada diniagakan oleh pihak asing, maka apabila kerajaan mengambil tindakan untuk menghidupkan semula perniagaan dan ekonomi negara, ugutan dan tekanan tidak lagi dapat dibuat oleh pedagang mata wang dan pelabur asing dalam pasaran saham untuk menggagalkan usaha kerajaan. Dengan itu, pelbagai tindakan dapat diambil untuk memulihkan ekonomi negara.

Langkah-langkah awal yang diambil ialah menurunkan kadar faedah dan melonggarkan sekatan terhadap pemberian hutang oleh bank. Jangkamasa NPL dipanjangkan daripada tiga bulan kepada enam bulan.

Kerajaan menggalakkan pembinaan infrastruktur kerana ini akan menghidupkan semula hampir 120 industri bekalan bahan binaan dan bahan-bahan lain. Pinjaman untuk membeli kereta dan rumah juga lebih mudah diperolehi.

Di masa yang sama, kerajaan dapat menubuh Danaharta dan Danamodal serta beberapa dana lain untuk mengatasi masalah kewangan akibat daripada kejatuhan nilai Ringgit dan saham syarikat-syarikat.

Dengan langkah-langkah ini, ekonomi mula bergerak dan tanda-tanda pemulihan jelas kelihatan. Rizab luar negara telah meningkat daripada US\$20.2 bilion pada akhir Ogos 1998 kepada US\$22.99 bilion pada 22 Oktober 1998 dan berupaya membiayai 4.4 bulan import tertangguh. Ini adalah satu kedudukan yang kukuh. Peningkatan ini, antara lain, disebabkan keuntungan dari pengukuhan

beberapa mata wang utama lain berbanding dengan Dolar Amerika. Rizab ini bukanlah semata-mata disimpan dalam mata wang Dolar Amerika. Sebahagian besar dipegang dalam mata wang negara lain yang menjadi rakan perdagangan utama negara. Ini menjamin rizab kita tidak akan merosot jika nilai mata wang Amerika turun seperti baru-baru ini.

Dagangan antarabangsa kita juga menunjukkan pencapaian yang baik. Imbangan perdagangan bagi lapan bulan pertama 1998 menunjukkan lebih banyak RM32 bilion.

Jualan kereta penumpang meningkat daripada 5,641 unit dalam bulan Februari kepada 12,338 unit pada bulan September 1998. Dan terdapat banyak lagi bukti bahawa ekonomi negara sedang pulih.

Tuan Yang di-Pertua, sementara itu, ekonomi dunia terus tidak menunjukkan prestasi yang menggalakkan. Keruntuhan nilai Rouble Rusia telah membawa kesan yang amat buruk kepada ekonomi Eropah dan Amerika Latin. Keruntuhan Rouble telah menjejaskan prestasi salah satu dana lindung nilai atau hedge fund yang terbesar, iaitu Long-Term Capital Management Fund (LTCM).

Oleh kerana 'hedge funds' tidak dikawal sama sekali dan pinjaman kepadanya juga tidak diawasi, maka 'hedge funds' termasuk LTCM telah membuat 'leverage' melebihi 200 kali ganda daripada modalnya. Dalam kes LTCM, dengan modal US\$4 bilion, syarikat tersebut berupaya mendapat pinjaman sebanyak US\$120 bilion. Akhirnya jumlah ini telah digunakan oleh LTCM untuk mendapat pinjaman sebanyak US\$1trillion, iaitu satu juta juta Dolar. Hampir kesemua bank gergasi barat telah menyumbangkan kepada jumlah yang besar ini. Berikutan dengan masalah yang dihadapi oleh LTCM, UBS, iaitu bank yang terbesar di Eropah, telah mengalami kerugian sebanyak US\$700 juta. Ada dana lain dan bank yang kerugian lebih daripada satu US\$1bilion.

Memandangkan kemungkinan besar sistem kewangan mereka akan runtuh sama sekali, Federal Reserve Bank Amerika Syarikat, iaitu Bank Pusat Amerika Syarikat, telah memaksa bank-bank Barat menyelamat atau bailout LTCM dengan memberi pinjaman sebanyak US\$3.5 bilion. Wang rakyat digunakan untuk bailout ini. Bahawa pengarah-pengarah bank yang membekalkan wang bailout ini juga adalah pelabur dalam LTCM tidak sedikit pun dianggap sebagai tidak berprinsip. Jika ini dilakukan oleh negara-negara Asia, sudah tentu mereka akan dituduh mengamalkan kronisme dan menyalahgunakan kuasa menolong kroni. Mereka bukan setakat menolong kroni, mereka menggunakan wang awam (public fund) untuk menolong diri mereka sendiri.

Keruntuhan LTCM akan mengheret jatuh institusi-institusi kewangan lain dan akan mengakibatkan Amerika Syarikat mengalami kemerosotan ekonomi. Secara mendadak, nilai Dolar Amerika Syarikat telah jatuh dengan teruknya berbanding dengan Yen. Satu Dolar Amerika Syarikat yang dahulu nilainya 140 Yen telah jatuh pada satu ketika kepada 112 Yen dalam satu hari.

Walaupun nilai Yen telah kukuh tetapi ekonomi Jepun tidak juga menunjukkan tanda pemulihan. Mengikut pakar-pakar Barat apabila nilai mata wang menjadi kukuh maka ekonomi akan menjadi lebih baik. Tetapi kekuatan Yen tidak diikuti dengan kenaikan pasaran saham Jepun. Sekali lagi kita dapati bahawa pakar Barat tidak sebenarnya faham faktor-faktor yang menguasai ekonomi dan pasaran.

Walau bagaimanapun, Jepun telah cuba untuk memulihkan ekonominya dengan pelbagai cara. Tetapi apa juga yang dibuat oleh Jepun dikritik oleh pakar-

pakar Barat sebagai 'too little too late' atau 'terlalu sedikit, terlalu lewat'. Di masa yang sama, Jepun dikritik kerana tidak menolong pemulihan ekonomi Asia.

Tetapi ketika Jepun mencadangkan Dana Asia dan menawarkan US\$100 bilion untuk maksud ini, Amerika Syarikat menyuruh Jepun membatalkan cadangan tersebut kerana ia akan menjejaskan kuasa IMF ke atas dasar kewangan negara-negara Timur. Kini, Jepun sekali lagi bercadang mengadakan dana US\$30 bilion untuk memberi pinjaman kepada negara-negara Asia. Kita harap Amerika Syarikat tidak akan menjadi batu penghalang sekali lagi.

Oleh kerana Barat kini melihat kemungkinan mereka juga akan mengalami kegawatan kewangan akibat dagangan mata wang oleh 'hedge funds', mereka sudah mula bercakap sedikit berkenaan pentingnya perniagaan ini dikawal. Beberapa mesyuarat sudah dirancang termasuk satu yang disyorkan oleh Perdana Menteri United Kingdom. IMF dan Bank Dunia juga telah mengadakan perbincangan berkenaan perkara ini.

Tetapi sehingga kini, tindakan mereka terhad kepada cakap mulut sahaja. Tidak nampak mereka akan mengambil apa-apa tindakan mengawal dagangan mata wang. Kita khuatir jika Amerika mengadakan apa-apa peraturan, ia akan tertumpu kepada menyelamatkan ekonomi dan kewangan mereka sahaja. Nasib negara membangun seperti Malaysia bukanlah perkara penting bagi mereka. Tanda-tanda menunjukkan mereka ingin kekalkan kuasa mereka ke atas ekonomi negara membangun supaya ia dapat digunakan untuk memajukan politik dan ekonomi mereka.

Justeru itu, kita tidak boleh menaruh harapan bahawa mereka akan membela nasib kita. Pembelaan nasib kita adalah tanggungjawab kita.

Mereka mengutuk tindakan yang telah kita ambil baru-baru ini. Mereka sering bertanya bila kita akan menamatkan sekatan terhadap dagangan mata wang kita dan sekatan terhadap pengambilan alih sepenuhnya bank dan syarikat kita oleh mereka.

Kita percaya kepada sistem pasaran bebas dan pengaliran bebas modal pasaran. Tetapi kita sudah melihat bagaimana kebebasan ini boleh disalahgunakan oleh mereka. Kita sudah lihat bagaimana tamaknya mereka sehingga sanggup merampas duit orang miskin untuk mengisi tembok mereka. Kita sudah lihat bagaimana mereka boleh menghancurkan ekonomi dunia.

Justeru itu, kita tidak akan benarkan mereka memperdagangkan mata wang kita dengan sewenang-wenangnya. Selagi mereka tidak mengadakan aturan peraturan untuk mengawal dagangan mata wang secara berkesan, kita tidak akan membenarkan mata wang Ringgit kita ditentukan nilainya oleh mereka. Kata mereka sekatan terhadap dagangan mata wang tidak boleh lama. Tetapi kita lihat negara China yang tidak pernah membenarkan mata wangnya diniagakan tidak menjadi lebih buruk ekonominya, bahkan didapati lebih sihat daripada negara lain di Asia.

Tindakan kita tidak menghalang pelaburan asing masuk ke dalam negara kita. Ia juga tidak menyekat keuntungan mereka daripada dibawa balik ke negara mereka. Ia juga tidak menghalang dagangan antara negara kita dengan mana-mana negara lain di dunia.

Demikian juga pasaran saham kita masih terbuka kepada pelabur asing. Hanya yang disyaratkan ialah dagangan saham hendaklah lebih terbuka kepada awam dan kepada kerajaan. Apa sebabnya pembelian atau penjualan saham harus dirahsiakan?

Ketidaktelusan dagangan saham telah mengakibatkan banyak peraturan dilanggar, terutama oleh pemain asing dalam pasaran saham kita. Sepatutnya apabila mana-mana pihak memiliki lebih daripada 5% saham mana-mana syarikat, ia harus melaporkan kepada BSKL di bawah peraturan berkenaan penzahiran (disclosure). Tetapi oleh kerana dagangan disembunyi, penzahiran tidak dibuat. Demikian juga apabila pemilikan sudah mencapai 33%, mereka tidak membuat tawaran awam untuk memiliki baki saham. Mereka juga tidak menghormati prinsip Dasar Ekonomi Baru.

Banyaklah amalan yang curang yang berlaku kerana aturan peraturan BSKL tidak dikuatkuasakan atau tidak dapat dikuatkuasakan.

Undang-undang serta aturan peraturan yang dikuatkuasakan akan menjadikan pasaran saham kita lebih bersih. Ini akan menjadikan pasaran saham BSKL lebih kukuh walaupun indeks saham tidak akan meningkat terlalu tinggi seperti dahulu di waktu mana harga saham tidak ada kaitan dengan nilai aset atau prestasi syarikat.

Pertumbuhan ekonomi negara mungkin tidak setinggi dahulu. Sebabnya ialah semua rakan dagangan kita sudah mengalami kemerosotan ekonomi. Semua negara Timur, Eropah, Amerika Utara dan Amerika Selatan mengalami pertumbuhan yang rendah. Oleh kerana kita adalah negara perdagangan, kemelesetan ekonomi rakan dagang kita sudah tentu akan menjejaskan pertumbuhan ekonomi kita.

Tetapi insya-Allah, jika kita berdisiplin, tertib dan bekerja keras, ekonomi kita akan pulih semula pada tahun 1999. Kita jangka kita akan tumbuh sebanyak 1%.

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah pemulihan ekonomi negara sedang dilaksanakan di bawah Pelan Pemulihan Ekonomi Negara (PPEN) yang digubal oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN). Pelan ini bertujuan membebaskan negara daripada perangkap krisis kewangan serantau dan seterusnya meletakkan kembali ekonomi negara di landasan yang lebih kukuh.

(a) **Pemulihan Sistem Perbankan**

Kejatuhan nilai Ringgit dan harga saham di pasaran saham mempunyai kesan yang buruk kepada sistem perbankan. Banyak syarikat termasuk syarikat besar yang meminjam dari bank telah tidak dapat membayar hutang daripada 'cash-flow' mereka. Keadaan menjadi lebih teruk apabila kadar faedah dinaikkan dengan tingginya dan jangka masa hutang ditaksir sebagai NPL disingkatkan.

Oleh kerana nilai saham bank juga jatuh, pelanggan bank kkuatir bank-bank Malaysia akan mempunyai masalah. Mereka telah memindahkan simpanan mereka kepada cawangan-cawangan bank asing yang beroperasi di Malaysia atau mereka membawa keluar Ringgit untuk disimpan di bank-bank luar.

Semua ini menyebabkan bank-bank di Malaysia tidak dapat menyediakan dana yang mencukupi untuk membiayai urusan perniagaan. NPL meningkat peratusannya sementara modal bank telah kuncup dengan banyaknya.

Untuk mengatasi masalah ini, kerajaan menubuhkan Syarikat Danaharta yang akan membeli NPL bank-bank dan menguruskan pemulihan hutang ini dan juga syarikat-syarikat berkenaan. Dengan ini, bank dibebaskan daripada tekanan hutang yang menghalangnya daripada memberi pinjaman kepada pelanggan.

Jumlah dana yang diperlukan oleh Danaharta untuk mengeluarkan NPL daripada sistem perbankan berkurangan daripada anggaran awal sebanyak RM25

bilion kepada RM15 bilion berikutan kedudukan mudah tunai yang lebih baik dan kadar faedah yang lebih rendah. Pengkelasan semula NPL juga dijangka mengurangkan pertumbuhan NPL.

Danaharta dijangka mengambil alih NPL berjumlah RM8 bilion daripada 21 buah institusi perbankan menjelang akhir 1998. Di samping itu, Danaharta bersetuju menguruskan NPL Sime Bank Berhad dengan nilai kasar sebanyak RM6 bilion. Danaharta dijangka mengambil alih NPL lebih awal daripada yang dijangkakan semasa penubuhannya. Bagi meningkatkan ketelusan, mulai 31 Disember 1998, Danaharta akan menerbitkan maklumat terperinci mengenai pengambilan dan penjualan NPL. Di samping itu, amalan antarabangsa terbaik akan digunakan dalam semua aktiviti termasuk penilaian NPL.

Oleh kerana modal bank terjejas disebabkan kejatuhan nilai sahamnya dan NPL, maka modal bank perlu ditambah. Untuk ini, Syarikat Danamodal ditubuhkan bagi menyuntik modal ke dalam bank-bank yang bermasalah. Daripada sejumlah RM16 bilion yang diperlukan oleh Danamodal, sebanyak RM3 bilion adalah seed capital sumbangan Bank Negara. Syarikat pelaburan antarabangsa Salomon Smith Barney telah dilantik untuk menasihati pengurusan Danamodal dan menentukan daya maju sesuatu usaha pemulihan dengan menjalankan due diligence.

Danamodal telah menandatangani perjanjian pada 20 Oktober 1998 dengan 8 institusi perbankan untuk dimodalkan semula dengan suntikan modal berjumlah RM4.5 bilion. Suntikan modal ini akan meninggikan daya tahan institusi perbankan, meningkatkan keupayaan memberi pinjaman baru dan seterusnya mempercepatkan proses pemulihan ekonomi.

Jawatankuasa Pengstruktur Semula Hutang Korporat (Corporate Debt Restructuring Committee - CDRC) telah dibentuk bagi membantu syarikat-syarikat Malaysia yang berdaya maju daripada menjadi bankrap akibat krisis kewangan. Jawatankuasa ini akan menyediakan persekitaran yang lebih baik bagi siberhutang dan peminjam supaya lebih telus dalam melaksanakan proses pengstruktur semula hutang mereka. Sebanyak 23 buah syarikat dengan jumlah hutang terkumpul sebanyak RM5.5 bilion telah pun memohon bantuan CDRC.

Penubuhan Danaharta, Danamodal dan CDRC ini akan membantu memperkukuhkan sistem perbankan negara. Namun begitu, perlu ditegaskan bahawa apa yang lebih penting ialah pengurusan yang efisien, telus dan berintegriti. Bank Negara akan mengawas rapi sistem perbankan dan tidak teragak-agak mengambil tindakan ke atas pengurusan bank yang cuai.

Sementara itu, untuk menyelaraskan urusan pinjam-meminjam bank, syarat-syarat ala IMF telah digugurkan. Kadar pinjaman asas bank (BLR) maksimum sebanyak 12.3% pada Jun 1998 telah dikurangkan kepada 8.5% pada masa ini. Berikutan dengan ini, kadar pinjaman telah berkurangan daripada paras tertinggi 24% pada Februari kepada antara 8% hingga 11%, iaitu kadar pinjaman sebelum berlakunya krisis. Pembayaran balik hutang kini dapat dibuat oleh syarikat daripada pendapatan atau aliran tunai mereka. Ini juga menolong mengurangkan NPL. Sekatan ke atas pinjaman kepada beberapa sektor juga dilonggarkan dan sektor-sektor ini yang dahulu dianggap tidak menjadi keutamaan dan tidak dapat meminjam, kini giat semula. Ini sudah tentu akan meningkatkan aktiviti perniagaan dan ekonomi, membolehkan syarikat mendapat untung dan kerajaan memungut cukai.

(b) **Dasar Kewangan**

Malaysia sentiasa mengamalkan dasar liberal berhubung dengan kemasukan modal. Namun begitu, krisis kewangan serantau telah menunjukkan wujudnya risiko yang tinggi daripada dasar yang terlalu liberal. Apabila modal ditarik keluar dengan mendadak, ekonomi akan tertekan dengan teruknya. Dasar IMF, iaitu menaikkan kadar faedah dan menyekat pengaliran pinjaman yang dicuba pada permulaan krisis, hanya memburukkan lagi ekonomi tanpa sedikit pun meyakinkan pelabur asing untuk membawa balik modal mereka. Memandangkan kepada keadaan yang semakin meruncing ini, kerajaan telah bertindak untuk melaksanakan dasar-dasar yang radikal bagi mengatasi krisis ini, seperti yang telah saya terangkan pada pendahuluan ucapan saya.

Kawalan Modal

Sungguhpun langkah-langkah yang diambil kerajaan dianggap radikal, pelbagai jenis kawalan pertukaran asing telah pun dilaksanakan oleh beberapa buah negara termasuk Jerman, Switzerland, Perancis dan Australia pada suatu ketika dahulu. Pada masa ini, Australia, Perancis dan Amerika Syarikat masih mengenakan syarat yang menghendaki perisytiharan dibuat semasa membawa masuk dan keluar wang. Sehingga tahun 1979, Britain juga telah menghadkan jumlah mata wang Pound yang boleh dibawa keluar.

Kawalan yang dilakukan oleh Malaysia adalah terhad, iaitu hanya untuk menghalang pedagang mata wang daripada menggunakan kuasa mereka menentukan nilai Ringgit bagi meraih keuntungan besar, di samping mengugut kita supaya tidak mengambil apa-apa tindakan untuk memulihkan ekonomi kita. Demikianlah, jika kita kurangkan kadar faedah bank, mereka menurunkan lagi nilai Ringgit

dan saham. Sebaliknya, jika kita tidak menurunkan kadar faedah bank, bukan sahaja syarikat tetapi bank dan kerajaan juga akan menghadapi masalah kewangan. Jika kedudukan kewangan kita menjadi terlalu teruk, maka terpaksa kita meminta bantuan IMF dan meletakkan diri kita di bawah telunjuk IMF.

Walaupun kita dapat kembalikan kuasa menentukan nilai Ringgit kepada kerajaan, tetapi nilainya hendaklah dapat membantu daya saing barangan buatan kita di luar negara. Sebab itu kita menetapkan RM3.80 adalah bersamaan dengan US\$1 atau RM1 adalah bersamaan dengan 26 sen Amerika walaupun sebelum kegawatan RM2.50 adalah bersamaan dengan US\$1.

Sekatan terhadap membawa masuk dan keluar wang asing dan Ringgit tentulah menimbulkan sedikit masalah. Tetapi kita akan bersikap fleksibel dan pragmatik. Justeru itu, kerajaan sudah pun bersedia sedia untuk menangani pelbagai masalah yang melibatkan perjalanan keluar masuk rakyat dan orang asing ke Malaysia.

Dalam kes-kes tertentu, seperti perbelanjaan pendidikan di luar negara, pengecualian akan diberikan sekiranya perlu.

Memastikan Kadar Pertumbuhan Kredit Yang Sihat

Pertumbuhan kredit sektor perbankan telah merosot daripada 25.9% pada akhir tahun 1997 kepada 4.5% pada akhir September 1998. Dari segi jumlah kredit baru yang diluluskan oleh sistem perbankan, ianya kekal pada purata RM4.5 bilion setiap bulan sejak Jun 1998. Pengurangan pertumbuhan kredit yang ketara ini disebabkan oleh beberapa faktor termasuk kedudukan mudah tunai yang ketat bagi kebanyakan bank, kadar faedah yang terlalu tinggi dan

keengganan serta sikap terlalu berhati-hati sesetengah bank di dalam memberi pinjaman. Bagi memastikan aktiviti-aktiviti ekonomi mendapat pembiayaan yang secukupnya, kerajaan telah mengambil beberapa langkah bagi meningkatkan pinjaman. Antara lain, ini termasuklah mengurangkan kadar faedah dan Nisbah Rizab Berkanun (SRR) bagi menambah mudah tunai sistem perbankan, melonggarkan beberapa syarat pinjaman dan menetapkan keperluan minimum pertumbuhan kredit. Langkah-langkah juga telah diambil untuk kemudahan pinjaman bagi sektor pembinaan dan pembelian rumah kediaman kos rendah dan sederhana.

(c) **Pasaran Saham**

Seperti yang telah diterangkan, saham-saham syarikat Malaysia menjadi sasaran pelabur asing. Mereka menjatuhkan nilai saham-saham ini dengan begitu teruk. Indeks Komposit BSKL yang berada pada paras 1,271.45 mata pada 25 Februari 1997, telah menurun kepada 262.70 mata pada 1 September 1998. Sejumlah lebih RM600 bilion modal pasaran telah hangus dengan kejatuhan indeks ini. Akibatnya, bank telah menuntut supaya margin ditambah daripada mereka yang berhutang dengan menggunakan nilai saham sebagai cagaran. Apabila margin tidak boleh dibayar, bank telah menjual saham yang dicagar dan ini menurunkan lagi nilai saham. Syarikat pula menghadapi hutang yang tidak dapat dibayar.

Dengan tidak mengiktiraf sebarang jual beli saham di luar BSKL dan menghapuskan sistem nomini, kawalan dapat dikenakan ke atas pasaran saham. Keadaan BSKL lebih sihat dan dengan tindakan yang

telah diambil, pasaran saham akan lebih mencerminkan aset dan prestasi sebenar syarikat-syarikat yang tersenarai dalam BSKL. Sudah tentu ini akan mengurangkan masalah yang dihadapi oleh syarikat-syarikat.

(d) **Dasar Fiskal**

Memandangkan kepada penguncupan aktiviti sektor swasta yang menjejaskan prestasi ekonomi negara, kerajaan telah mengambil langkah bagi menjana pertumbuhan melalui dorongan fiskal. Justeru itu, kerajaan telah merubah pendekatan dasar fiskal daripada belanjawan lebihan kepada belanjawan berdefisit. Kerajaan telah menambah peruntukan belanjawan 1998 sebanyak RM7 bilion, khususnya bagi membiayai projek-projek pembangunan. Dengan ini, Kerajaan Persekutuan akan mencatatkan defisit keseluruhan sebanyak RM2.6 bilion atau 3.7% daripada Keluaran Negara Kasar (KNK) pada tahun 1998 berbanding dengan kedudukan lebihan belanjawan yang telah dicatatkan selama lima tahun berturut-turut semenjak tahun 1993.

Kerajaan juga telah menubuhkan dana pembangunan prasarana bagi membiayai projek infrastruktur yang terjejas pelaksanaannya akibat kesulitan mendapat pembiayaan daripada institusi-institusi perbankan. Ini bertujuan bagi mencergaskan semula sektor pembinaan dan perkilangan berorientasikan pasaran dalam negeri, khususnya industri pengeluaran bahan-bahan binaan. Untuk tujuan ini, kerajaan akan menukarkan Bank Pembangunan kepada Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia (BPIM) dengan modal berbayar sebanyak RM1 bilion.

Berikutan pelaksanaan langkah-langkah yang saya sebutkan tadi, sentimen pasaran di BSKL kembali pulih. Indeks Komposit BSKL telah meningkat kepada paras yang lebih stabil iaitu 421.56 mata pada 22 Oktober 1998.

Langkah-langkah dasar kewangan yang lebih longgar juga memberi manfaat kepada institusi perbankan dan sektor swasta menerusi penyediaan mudah tunai yang lebih tinggi serta kadar faedah yang lebih rendah. Ianya juga akan memberi kesan positif ke atas kegiatan pemberian kredit. Jumlah keseluruhan baki pinjaman yang disalurkan oleh sistem perbankan yang merosot sejak Februari 1998, mula meningkat kembali sebanyak RM2.1 bilion pada bulan Ogos 1998. Sebahagian besar pemberian pinjaman baru ini telah disalurkan kepada sektor perkilangan dan perumahan.

Tuan Yang di-Pertua, ketika Malaysia mencadangkan peraturan ke atas urus niaga mata wang dalam Mesyuarat Tahunan IMF/Bank Dunia di Hong Kong tahun lalu, ianya telah ditolak dengan sekeras-kerasnya oleh masyarakat kewangan antarabangsa. Cadangan ini dianggap sebagai percubaan oleh kita untuk menafi dan menyalahkan orang lain bagi kesemua masalah dan kelemahan negara kita. Oleh kerana cadangan ini tidak disenangi, pedagang mata wang bertindak untuk menurunkan lagi nilai Ringgit dan saham supaya ekonomi kita menjadi lebih teruk. Untuk menggagalkan usaha-usaha pemulihan ekonomi yang dirancang oleh kerajaan, umpamanya untuk mendapatkan pinjaman daripada pasaran modal antarabangsa untuk Danaharta, agensi-agensi penarafan antarabangsa atau 'rating agencies' sengaja menurunkan taraf kredit Malaysia. Tindakan

mereka telah menyebabkan kos pinjaman bagi Malaysia di pasaran antarabangsa menjadi terlalu tinggi. Ini menyulitkan Malaysia untuk mendapatkan pinjaman luar pada kos yang munasabah. Media mereka pula melapor kononnya ekonomi kita sudah begitu tenat sehingga kita akan terpaksa meminta bantuan IMF. Kononnya negara-negara yang diletak di bawah telunjuk IMF sedang pulih.

Kini, selepas lebih dari setahun rantau Asia Timur mengalami krisis kewangan yang serius, beberapa ahli ekonomi terkemuka Barat telah menukar pandangan mereka terhadap sistem kewangan antarabangsa. Suara tidak puas hati terhadap pakej pemulihan IMF dalam menangani krisis ini semakin lantang. Malahan terdapat keraguan yang semakin meluas mengenai keberkesanan ide-ide tradisi dan dasar ketat IMF. Sebaliknya, ramai daripada mereka kini bersetuju dengan langkah kawalan modal yang dilaksanakan oleh Malaysia. Mereka juga berpendapat langkah tersebut boleh mencergaskan semula ekonomi negara dan secara tidak langsung dapat mengurangkan masalah kebangkrapan dalam sektor korporat dan NPL dalam sistem perbankan.

Malah, langkah kawalan modal juga telah mendapat sokongan daripada badan-badan antarabangsa, termasuk Persidangan Perdagangan dan Pembangunan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNCTAD). Mereka mengakui bahawa langkah Malaysia merupakan pendekatan yang berkesan bagi menangani ketidakpastian aliran modal antarabangsa.

Kerajaan tidak berniat untuk melaksanakan langkah kawalan modal ini secara kekal. Ianya akan ditamatkan apabila keadaan

pasaran kewangan antarabangsa kembali pulih dan masyarakat antarabangsa bersepakat mengambil langkah-langkah untuk menyusun semula sistem pasaran kewangan global. Di samping itu, langkah kawalan modal ini hendaklah dilaksanakan secara serentak dengan reformasi sistem kewangan. Ini bukanlah pertama kali Malaysia mengenakan peraturan kawalan modal. Pada tahun 1994, Malaysia telah pun mengenakan beberapa langkah kawalan bagi membendung kesan-kesan negatif daripada pengaliran masuk modal jangka pendek atau 'hot money' yang besar yang boleh menjejaskan kestabilan ekonomi dalaman. Apabila objektif kita tercapai, langkah kawalan tersebut telah ditarik balik. Oleh itu, tidak ada sebab mengapa masyarakat antarabangsa perlu bimbang dan mempertikaikan tindakan Malaysia. Malah, Malaysia masih komited kepada mekanisme pasaran dan proses liberalisasi yang teratur.

Tuan Yang di-Pertua, prestasi ekonomi dijangka semakin pulih pada penghujung tahun 1998. Namun begitu, masih wujud risiko-risiko yang boleh membawa pergolakan baru di pasaran kewangan serantau mahu pun sejagat yang boleh menjejaskan permintaan luar terhadap eksport dan ekonomi negara. Risiko-risiko ini termasuk:

- (i) krisis kewangan sekarang ini merebak hampir ke seluruh dunia. Rakan perdagangan Malaysia tidak lagi mampu membeli barangan eksport kita;
- (ii) negara-negara yang menghadapi masalah ekonomi akan meningkatkan halangan perdagangan bagi melindungi hasil pengeluaran mereka;

- (iii) jika krisis kewangan merebak, lebih banyak negara membangun akan memerlukan pinjaman untuk mengatasi kegawatan ekonomi. Ini akan memaksa Malaysia bersaing bagi mendapatkan pinjaman daripada luar negeri pada kos yang munasabah;
- (iv) kemungkinan Amerika Syarikat mengalami 'financial meltdown'. Ini akan menjadikan Amerika pasaran yang lemah;
- (v) pengguna Jepun masih tidak yakin akan pemulihan ekonomi negara mereka dan ini melembapkan permintaan dari Jepun, satu-satunya pasaran besar bagi Malaysia; dan
- (vi) Hong Kong dan China juga mengalami tekanan yang kuat. Dolar Hong Kong diserang dengan kuatnya oleh pedagang mata wang. Dalam usahanya mempertahankan nilai Hong Kong Dollar, ekonomi Hong Kong telah terjejas dan menjadi lembap. China juga mempunyai masalah kurangnya daya saing akibat Yuan menjadi terlalu kuat.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada tinjauan prestasi ekonomi dan risiko-risiko yang mungkin muncul pada tahun 1999 serta cabaran-cabaran yang perlu ditangani, strategi Belanjawan 1999 ditumpukan kepada:

- (i) mencergaskan aktiviti ekonomi serta melindungi ekonomi dari kesan jangkitan krisis kewangan serantau untuk menstabilkan sistem pasaran kewangan dan nilai Ringgit;
- (ii) memperkukuhkan ketahanan dan daya saing ekonomi negara;
- (iii) menyusun semula sektor kewangan dan mempertingkatkan tahap pengurusan sektor awam dan swasta (good governance);
- (iv) mengukuhkan lagi kedudukan imbalan pembayaran; dan
- (v) menjamin kesejahteraan rakyat.

Kuncupan aktiviti ekonomi telah menjejaskan prestasi kewangan sektor korporat, sistem perbankan, keyakinan terhadap kestabilan ekonomi dan kesejahteraan sosial. Untuk mencergaskan semula aktiviti ekonomi, tindakan berikut telah diambil:

- (i) menjana pertumbuhan melalui dorongan fiskal;
- (ii) mencergaskan aktiviti perniagaan; dan
- (iii) meningkatkan kecekapan sektor awam dan kerjasama dengan sektor swasta.

Dorongan fiskal perlu untuk mempercepatkan pemulihan ekonomi. Walau bagaimanapun, kerajaan akan memastikan negara mempunyai lebih ataupun sekurang-kurangnya kedudukan berimbang dalam akaun semasa kewangan kerajaan. Ini merupakan prinsip penting dalam pengurusan kewangan yang berhemat bagi memastikan hasil kerajaan sekurang-kurangnya dapat membiayai perbelanjaan mengurus. Setelah mengambil kira perbelanjaan pembangunan, kedudukan defisit keseluruhan kerajaan akan dihadkan kepada 6 peratus daripada KNK. Untuk membiayai defisit ini, kerajaan akan membuat pinjaman daripada pasaran dalam dan luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan sejumlah RM65.095 bilion diperuntukkan bagi Belanjawan tahun 1999. Jumlah ini berkurangan 9.3 peratus berbanding dengan peruntukan tahun 1998. Sebanyak RM47.042 bilion adalah untuk Perbelanjaan Mengurus dan RM18.053 bilion untuk Perbelanjaan Pembangunan. Berasaskan anggaran hasil sebanyak RM47.160 bilion akaun keseluruhan Kerajaan Persekutuan dijangka mencatatkan defisit sekitar RM16.635 bilion.

Sebanyak RM24,572 bilion daripada Perbelanjaan Mengurus diperuntukkan di bawah Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap, antaranya adalah bayaran khidmat

hutang negara, bayaran pencen dan ganjaran serta sumbangan kepada kumpulan-kumpulan wang terkanun. Sebanyak RM13.971 bilion adalah untuk Emolumen, RM6.189 bilion untuk Perkhidmatan dan Bekalan, RM460 juta di bawah Aset untuk pembelian kelengkapan serta kemudahan pejabat dan RM1,850 bilion bagi perbelanjaan lain termasuk bayaran balik cukai.

Daripada Perbelanjaan Pembangunan sebanyak RM7.890 bilion ataupun 43.7 peratus adalah untuk sektor ekonomi; RM5.946 bilion ataupun 32.9 peratus untuk sektor sosial; RM2.650 bilion ataupun 14.7 peratus untuk sektor keselamatan; dan RM1.067 bilion ataupun 5.9 peratus untuk sektor perkhidmatan am. Baki sebanyak RM500 juta ataupun 2.8 peratus adalah untuk simpanan luar jangka.

Bagi Perbelanjaan Pembangunan, keutamaan diberi kepada projek yang boleh menjana aktiviti ekonomi negara, dapat meningkatkan kecekapan dan daya saing negara dan tidak menyebabkan pengaliran ke luar rizab.

Pembangunan prasarana diberi keutamaan selaras dengan objektif untuk merangsangkan ekonomi negara. Projek-projek prasarana yang telah diswastakan dan diberi keutamaan di bawah dana prasarana termasuk projek-projek rel, pelabuhan, lebuhraya, Putrajaya, Cyberjaya dan kemudahan awam seperti pemetungan, pengurusan sisa pepejal dan bekalan air.

Kerajaan juga menyediakan peruntukan bagi projek-projek prasarana yang meliputi jalan raya dan jambatan, keretaapi, pelabuhan dan penerbangan awam dengan peruntukan RM4.042 bilion. Antara projek jalan raya yang akan diteruskan ialah penyuraian lalu lintas di Bandaraya Kuala Lumpur/Petaling Jaya dan di Pulau Pinang dan jalan ke Pelabuhan Kelang dan Pelabuhan Tanjung Pelepas. Daripada jumlah tersebut, RM390 juta adalah untuk jalan dan jambatan di Sabah dan RM382 juta di Sarawak. Projek keretaapi diperuntukkan RM335 juta untuk sambungan rel ke Pelabuhan Pulau Indah, Pelabuhan Tanjung Pelepas dan ke Terminal Kontena,

Butterworth. Sejumlah RM353 juta adalah bagi pembinaan lapangan terbang dan kemudahan sampingan seperti peralatan komunikasi dan pandu arah penerbangan.

Sejumlah RM696 juta diperuntukkan bagi membaik pulih dan menaiktaraf sistem ratikulasi di seluruh negara, memperbaiki sistem bekalan air di kawasan industri, projek meningkatkan kapasiti Loji Air Kulim II Kedah, pembinaan Empangan Gemencheh, Negeri Sembilan, projek Bekalan Air Cameron Highlands dan projek Bekalan Air Teluk Bahang, Pulau Pinang.

Pembangunan desa akan diteruskan melalui program meningkatkan produktiviti hasil pertanian seperti pembinaan prasarana pertanian, pengenalan serta penggunaan teknologi baru dan latihan, pembinaan jalan desa, penyediaan bekalan air dan elektrik dan pembangunan semula kampung tradisional serta pusat-pusat pertumbuhan desa. Sejumlah RM1.124 bilion diperuntukkan bagi membiayai program ini termasuk RM138 juta bagi Sabah dan RM151 juta bagi Sarawak.

Kerajaan akan terus memberi perhatian kepada pembangunan sumber manusia. Seajar dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan, sebanyak RM13.5 bilion disediakan untuk meningkatkan prasarana dan kemudahan sokongan serta pembangunan kurikulum. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM8 bilion adalah untuk pendidikan rendah dan menengah. Sebanyak 183 buah sekolah rendah dan menengah baru akan dibuka sementara 1,217 buah lagi sedang dan akan dibina. Kerajaan akan juga meneruskan peningkatan taraf sekolah vokasional dan pembinaan sekolah teknik.

Pengambilan pelajar institusi pengajian tinggi awam (IPTA) tempatan akan ditingkatkan dari 77,600 kepada 84,000 orang dalam tahun 1999. Untuk menampung tambahan pelajar ini, kemudahan pembelajaran dan pengajaran, prasarana dan penginapan akan dipertingkat. Sebanyak RM2.85 bilion diperuntukkan untuk tujuan ini. Antara projek-projek yang sedang dan akan

dilaksanakan termasuklah pembinaan pusat-pusat matrikulasi, Fakulti Perubatan Universiti Islam Antarabangsa di Pahang, kampus tetap Universiti Malaysia Sabah termasuk kampus cawangannya di Labuan dan kampus tetap Universiti Malaysia Sarawak. [*Meneguk segelas air*].

Kerajaan akan terus membantu pembiayaan pelajar di institusi pengajian tinggi tempatan melalui Tabung Pendidikan Tinggi Nasional. Untuk tahun 1999, seramai 24,600 orang pelajar dijangka akan menerima manfaat daripada tabung ini dengan peruntukan RM320 juta.

Sebanyak RM1.145 bilion disediakan di bawah kementerian-kementerian Pendidikan, Pembangunan Usahawan, Sumber Manusia dan Belia dan Sukan untuk latihan kemahiran di 79 buah sekolah vokasional dan teknik, 16 buah Institusi Latihan Kemahiran, 135 buah Pusat Giat MARA di samping membina 24 buah lagi pusat latihan kemahiran baru.

Sebanyak RM4.51 bilion disediakan untuk perkhidmatan perubatan dan kesihatan supaya rakyat dapat terus menikmati taraf perkhidmatan yang baik dan selesa. Ini termasuklah pengambilan 3,900 pegawai perubatan dan paramedik, peningkatan kemudahan dan peralatan hospital dan klinik, terutamanya bagi rawatan seperti penyakit jantung, kanser, diabetes dan beberapa perkhidmatan kepakaran baru.

Kerajaan peka terhadap keperluan perumahan kepada golongan berpendapatan rendah walaupun negara sedang menghadapi masalah kegawatan ekonomi. Sehingga kini, kerajaan telah menubuhkan beberapa tabung iaitu Tabung Perumahan Untuk Rakyat Termiskin, Tabung Mempercepatkan Pembinaan Rumah Kos Rendah dan Tabung Pusingan Perumahan Kos Rendah. Melalui tabung-tabung ini, adalah dijangkakan sebanyak 27,500 unit rumah kos rendah akan dapat disiapkan dalam tempoh 1998 dan 1999. Di samping itu, kerajaan menyediakan

peruntukan sebanyak RM783 juta untuk pembinaan rumah kediaman bagi anggota perkhidmatan awam termasuk guru, tentera, polis, kastam dan imigresen serta pembinaan rumah kos rendah di bawah program yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri. Syarikat Perumahan Negara telah ditubuhkan pada awal tahun ini untuk menyediakan kemudahan pinjaman kepada pemaju untuk projek perumahan kos rendah dengan modal sebanyak RM2 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan akan memperuntukkan sejumlah RM265 juta bagi mengawasi pencemaran alam sekitar, memulihara sumber-sumber asli negara dan meningkatkan tahap kualiti alam sekitar. Usaha akan terus ditumpukan kepada perancangan gunatanah yang bersepadu, penggunaan dan pembangunan sumber asli yang mapan, pemuliharaan kawasan tadahan air serta pengkalan kawasan hutan simpan. Di samping itu, kerajaan akan meningkatkan lagi kerjasama dengan negara-negara jiran, khususnya ASEAN, bagi mengawasi dan mencari penyelesaian terhadap pencemaran alam sekitar seperti kebakaran hutan yang berlaku tahun lalu.

Untuk keperluan keselamatan dan pertahanan negara, sejumlah RM8.73 bilion disediakan di bawah beberapa jabatan termasuk polis, angkatan tentera, penjara dan imigresen. Peruntukan ini meliputi keperluan pengurusan dan operasi, pembelian peralatan tentera, pembinaan prasarana keselamatan seperti balai-balai polis, penjara-penjara baru dan pengkalan tentera serta perolehan kelengkapan operasi seperti pesawat dan radar, bot-bot polis, kereta-kereta peronda serta alat-alat komunikasi.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan akan terus membantu golongan miskin, penjaja dan peniaga kecil untuk meningkatkan tahap ekonomi mereka melalui beberapa skim bantuan modal di bawah program Amanah Ikhtiar Malaysia dan Tabung Usahawan Kecil yang diperuntukkan sebanyak RM100 juta dan Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga sebanyak RM150 juta termasuk untuk membantu

usahawan wanita. Kedua-dua tabung ini dijangka akan dapat membantu 12,000 penjaja dan peniaga kecil untuk memulakan ataupun membesarkan perniagaan mereka. Sejumlah RM45 juta pula diperuntukkan bagi skim pinjaman mudah untuk pembelian mesin dan peralatan untuk usahawan kecil di kawasan desa.

Bagi menggalakkan syarikat tempatan bergiat lebih cergas dalam perdagangan antarabangsa dan meningkatkan eksport, saya mencadangkan supaya syarikat yang diluluskan taraf sebagai Syarikat Perdagangan Antarabangsa diberikan pengecualian cukai sebanyak 70 peratus pendapatan berkanun daripada nilai peningkatan jualan eksport. Bagi mendapat faedah tersebut, antara lain syarikat hendaklah dimiliki sekurang-kurangnya 70 peratus oleh rakyat Malaysia dan menggunakan kemudahan tempatan seperti insurans, perkapalan serta pelabuhan tempatan dan hendaklah mendaftar dengan MATRADE.

Dalam usaha kerajaan mewujudkan usahawan kelas menengah bumiputera, kerajaan telah memperkenalkan beberapa skim pembiayaan modal teroka dan bantuan modal. Antaranya ialah peruntukan tambahan sebanyak RM25 juta bagi Skim Pembiayaan Secara Islam yang dikendalikan oleh MARA dan RM34 juta lagi bagi Skim Pembiayaan Kilang Bimbingan dan Pembiayaan Am yang diuruskan oleh Bank Pembangunan Malaysia. Selain daripada itu, Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri, Perbadanan Usahawan Nasional Berhad dan Perbadanan Nasional Berhad juga telah memperkenalkan beberapa program bagi mencapai hasrat ini.

Kerajaan juga akan terus merangsang aktiviti perniagaan dengan langkah-langkah percukaian seperti berikut:

- (i) saya mencadangkan supaya suratcara bagi pembiayaan semula pinjaman untuk tujuan perniagaan dikecualikan daripada duti setem. *[Tepuk]* Dengan kemudahan ini adalah diharapkan kos untuk menjalankan perniagaan dapat dikurangkan;

- (ii) pada masa ini, pendapatan faedah yang diperolehi oleh unit amanah dikenakan cukai pendapatan. Sebagai usaha untuk menggalakkan pembangunan unit amanah, saya mencadangkan supaya pendapatan faedah yang diperolehi oleh unit amanah dikecualikan daripada cukai pendapatan; [*Tepuk*]
- (iii) bagi industri insurans hayat, saya mencadangkan supaya cukai pendapatan dikenakan ke atas lebih aktuari yang sebenarnya diagihkan kepada Kumpulan Wang Pemegang Saham berbanding dengan amalan sekarang yang mengenakan cukai tersebut berasaskan prinsip terakru. Langkah ini akan menggalakkan syarikat insurans mengekalkan lebih aktuari dalam Kumpulan Wang Hayat dan menggunakannya bagi pembangunan jangka panjang perniagaan insurans hayat; dan
- (iv) saya mencadangkan supaya duti eksais ke atas peti sejuk, televisyen dan alat hawa dingin dimansuhkan bagi membolehkan industri tempatan bersaing dengan pengeluar-pengeluar daripada negara ASEAN apabila Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) dilaksanakan. [*Tepuk*]

Kerajaan amat menghargai sumbangan anggota perkhidmatan awam yang sentiasa memberi sokongan yang tidak berbelah bahagi di dalam melaksanakan keputusan dan dasar kerajaan. Sehubungan ini sebahagian anggota perkhidmatan awam telah membuat pengorbanan melalui potongan elaun sebanyak RM14 hingga RM600 setiap bulan mulai Januari tahun ini. Untuk merangsang pertumbuhan ekonomi negara, anggota perkhidmatan awam perlulah bekerja dengan lebih tekun lagi. Sikap “business friendly” dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab akan

membantu menyegerakan pelaksanaan projek dan menghindar kita daripada masalah kerenah birokrasi yang tidak menguntungkan sesiapa.

Kerajaan sememangnya sedar betapa pentingnya pembangunan Teknologi Maklumat (IT) dan Koridor Raya Multimedia (MSC) untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju. Pembangunan Cyberjaya sedang rancak dilaksanakan dan tidak lama lagi akan menjadi bandar bestari (intelligent city) pertama di Malaysia. Penyertaan kerajaan dalam syarikat Cyberview adalah penting bagi menyakinkan pihak swasta bahawa kerajaan sememangnya bersedia memberi komitmen dan sokongan sepenuhnya terhadap pembangunan Cyberjaya.

Sehingga suku ketiga tahun 1998, sebanyak 19 syarikat telah pun berpindah ke Cyberjaya dan sebanyak 31 lagi dijangka akan berpindah ke kawasan ini pada penghujung tahun. Sehingga 15 Oktober 1998, sebanyak 179 syarikat telah diberi kelulusan taraf MSC.

Sejajar dengan perkembangan MSC, kerajaan telah menetapkan beberapa 'flagship' dalam sektor awam seperti teleperubatan, kerajaan elektronik, sekolah bestari dan kad pelbagai guna sebagai asas dan permulaan kepada perkembangan MSC. Sebanyak RM110 juta disediakan untuk pembangunan projek 'flagship' bagi tahun 1999. Bagi menangani masalah pepijat alaf ataupun 'millennium bug' sistem pengkomputeran jabatan-jabatan kerajaan sebanyak RM100 juta untuk tujuan ini telah disediakan bagi tahun 1999.

Kerajaan sentiasa berusaha untuk memoden dan memperkemaskan sistem pentadbiran cukai negara. Ke arah ini, saya mencadangkan supaya sistem taksiran cukai berasaskan tahun sebelum, dipinda kepada sistem cukai berasaskan tahun semasa bermula pada tahun 2000. Langkah ini bertujuan membolehkan pengutipan cukai dibuat dengan lebih cekap dan segera bagi memastikan aliran tunai kerajaan menggambarkan prestasi ekonomi semasa. Selain daripada itu, langkah ini juga

diharap akan meningkatkan tahap pematuhan cukai kerana sistem baru ini akan dapat menghubungkan secara langsung prestasi ekonomi dan keupayaan membayar cukai. Dengan pelaksanaan sistem cukai yang berasaskan tahun semasa ini, saya juga mencadangkan supaya pendapatan pada tahun 1999 tidak dikenakan cukai sementara kerugian bagi tahun tersebut dibenarkan dibawa ke tahun berikutnya.

Di samping itu, saya juga mencadangkan supaya 'sistem taksiran formal' yang diamalkan pada masa ini berhubung dengan cukai pendapatan ditukar kepada 'sistem taksiran sendiri' secara berperingkat-peringkat bermula dengan kumpulan syarikat pada tahun taksiran 2001. Langkah ini akan meningkatkan kutipan hasil sejajar dengan peningkatan dalam tahap pematuhan cukai di kalangan pembayar cukai. Lembaga Hasil Dalam Negeri akan memperkemaskan sistem maklumat dan meningkatkan program pendidikan percukaian untuk melaksanakan langkah yang dicadangkan ini.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan krisis kewangan semasa berkemungkinan terus berlarutan, usaha-usaha perlu dipertingkatkan bagi memperkukuh ketahanan dan daya saing ekonomi kepada risiko sistemik yang mungkin muncul. Usaha-usaha ini termasuklah memperkukuhkan pasaran kewangan, meningkatkan rizab negara, membangunkan pasaran modal dan mengurangkan pendedahan pinjaman luar negara kepada perubahan kadar faedah dan pertukaran asing. Bagi meningkatkan daya saing ekonomi, usaha-usaha perlu dipergiatkan untuk melatih semula pekerja, meningkatkan produktiviti serta mengawal kos perniagaan. Sektor swasta terutamanya perlu menyediakan lebih banyak perbelanjaan untuk penyelidikan dan pembangunan.

Saya mencadangkan supaya 50 peratus daripada pendapatan faedah dalam akaun 'interest in-suspense' tidak akan diambilkira sebagai pendapatan untuk tujuan

pengiraan cukai pendapatan. Walau bagaimanapun, faedah itu akan dikenakan cukai apabila ianya dijelaskan oleh peminjam. Kemudahan ini diberi bagi tahun taksiran 1999 dan 2000 sahaja. Langkah ini diharap dapat membantu meringankan beban kewangan yang terpaksa ditanggung oleh institusi kewangan berkaitan dengan peningkatan NPL.

Adalah didapati industri minyak kelapa sawit mentah meraih keuntungan yang lebih kerana harga jualan yang tinggi berikutan kejatuhan nilai ringgit. Oleh itu, industri ini perlu memberi sumbangan yang berpatutan bagi membantu kerajaan mendapat hasil tambahan. Dengan itu, saya cadangkan supaya levi keuntungan dikenakan ke atas minyak sawit mentah apabila harganya melebihi RM2,000 setan. Pada harga dalam lingkungan RM2,000 sehingga RM2,050, levi ditetapkan pada kadar bersamaan nilai harga yang melebihi RM2,000. Walau bagaimanapun, apabila harga melebihi RM2,050 kadarnya adalah RM50 setan sahaja.

Selaras dengan usaha menstabilkan pasaran kewangan, kerajaan juga akan mengambil langkah untuk menyusun semula sektor kewangan negara. Salah satu strategi kerajaan bagi mengukuhkan institusi kewangan adalah dengan menggalakkan penggabungan. Ke arah ini, saya mencadangkan supaya duti setem dan cukai keuntungan hartanah yang terlibat dalam urusan penggabungan dikecualikan. Bagi mempercepatkan proses penggabungan, pengecualian cukai akan hanya diberi bagi urusan penggabungan yang disempurnakan mulai 24 Oktober 1998 sehingga 30 Jun 1999.

Di samping itu, tahap penzahiran akan dipertingkatkan bukan sahaja di kalangan sektor awam tetapi juga sektor swasta. Sebuah Jawatankuasa Kewangan peringkat tertinggi yang dianggotai oleh wakil-wakil sektor awam dan swasta telah menggubal satu rangka kerja untuk melahirkan pengurusan korporat yang lebih

berhemat dan telus serta menetapkan amalan-amalan terbaik untuk sektor kewangan.

Sungguhpun pada tahun 1998 kedudukan akaun semasa imbalan pembayaran mencatatkan lebih, ianya adalah disebabkan kejatuhan nilai ringgit yang menjadikan harga eksport dalam mata wang ringgit lebih tinggi. Ia juga disebabkan pengurangan import akibat aktiviti ekonomi dalam negeri yang lembap. Kebelakangan ini pula, prestasi eksport negara menunjukkan arah aliran menurun dari segi nilai Dolar, manakala defisit akaun perkhidmatan imbalan pembayaran terus meningkat. Oleh yang demikian, tumpuan hendaklah diberikan kepada usaha-usaha mengukuh kedudukan akaun semasa imbalan pembayaran. Seajar dengan ini, usaha-usaha berikut akan dilaksanakan:

- (i) menggalakkan eksport barangan terutamanya keluaran perkilangan serta mengurangkan import;
- (ii) meningkatkan keupayaan sektor perkhidmatan negara dalam mengeksport dan mengganti pengimportan khidmat dagang; dan
- (iii) meningkatkan promosi Malaysia di luar negara.

Pada masa kini, eksport perkilangan menyumbang sebanyak 80 peratus daripada jumlah pendapatan eksport keseluruhan negara. Usaha menggalakkan eksport terus dipertingkatkan. Kerajaan sentiasa berusaha mengambil langkah untuk mengurangkan kos pengurusan perniagaan. Ini bertujuan bagi membolehkan keluaran perkilangan Malaysia bersaing di pasaran antarabangsa. Pada masa yang sama, langkah-langkah segera sedang diambil oleh kerajaan untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan dan kemudahan prasarana asas.

Di samping itu, kerajaan juga sedang mempergiatkan lagi sektor pertanian sebagai salah satu cara untuk mengurangkan import. Penglibatan aktif sektor korporat untuk mengusahakan kegiatan pertanian secara komersil adalah perlu.

Kerajaan sedar usaha untuk meningkatkan pengeluaran bahan makanan secara besar-besaran melibatkan risiko yang tinggi. Justeru itu, pelabur lebih berminat dengan pengeluaran tanaman komersil seperti getah, kelapa sawit dan koko. Sehubungan dengan ini, kerajaan berharap syarikat besar bersedia melabur dalam bidang pengeluaran bahan makanan. Saya mencadangkan supaya dalam pengiraan cukai pendapatan, kerugian yang dialami dalam pengeluaran bahan-bahan makanan yang banyak diimport dibenarkan ditolak daripada keuntungan syarikat dalam kumpulan yang sama. Sebagai permulaan, bahan makanan yang telah dikenalpasti adalah jagung dan lembu yang mana nilai import pada tahun 1997 adalah RM619 juta dan RM438 juta masing-masing. ‘Group relief’ ini dibenarkan untuk pengeluaran bahan makanan sahaja dan akan hanya terbuka bagi permohonan yang diterima sebelum akhir tahun 1999.

Tuan Yang di-Pertua, selama ini perkembangan sektor perkhidmatan tidak selari dengan pertumbuhan pesat perdagangan negara. Khususnya, perkembangan industri perkapalan dan insurans masih tidak memuaskan sungguhpun mula menunjukkan kemajuan. Keadaan ini menyebabkan akaun perkhidmatan imbalan pembayaran terus mencatat defisit yang besar, iaitu RM19.4 bilion pada tahun 1998. Bagi memperbaiki keadaan ini, kerajaan sedang melaksanakan pelbagai langkah untuk memajukan lagi sektor perkhidmatan negara. Sungguhpun semenjak kebelakangan ini terdapat peningkatan dalam penggunaan kemudahan pelabuhan tempatan, tetapi masih lagi wujud kapasiti berlebihan. Negara juga membelanjakan hampir RM7.5 bilion bagi tempoh 15 tahun semenjak 1986 untuk mengembangkan kapasiti pelabuhan tempatan. Kita akan terus melaksanakan usaha-usaha untuk menggalakkan penggunaan pelabuhan tempatan.

Selain daripada itu, sebagai langkah untuk meningkatkan kecekapan industri perkapalan serta menambahkan tanan (tonnage) “kapal Malaysia”, saya

mencadangkan supaya pendapatan fret daripada carter masa (time charter) dan carter perjalanan (voyage charter) dikecualikan daripada cukai pendapatan.

Untuk meyakinkan dan menarik lebih ramai pelabur dan pedagang asing ke negara ini, usaha akan dilaksanakan dengan cara yang lebih agresif dan bersepadu bagi menyokong langkah kerajaan memulihkan kedudukan ekonomi negara. Sejumlah RM143 juta disediakan di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri bagi aktiviti promosi. Misi-misi galakan pelaburan dan perdagangan ke luar negeri, termasuk komoditi utama, akan diperhebatkan.

Sejumlah RM170 juta disediakan untuk industri pelancongan. Kerajaan sedang mengkaji semula strategi galakan pelancongan dan peruntukan tambahan akan dipertimbangkan. Bagi tahun 1999, seramai 7.2 juta pelancong dijangka melawat Malaysia berbanding dengan 6.8 juta dalam tahun 1998. Hasil pendapatan pertukaran wang asing dijangka meningkat kepada RM14.4 bilion pada tahun 1999 berbanding dengan RM12.8 bilion tahun ini.

Dalam membangunkan sektor pelancongan dalam negeri, saya mencadangkan supaya pendapatan syarikat pelancongan yang berpunca daripada pengendalian pakej pelancongan dalam negara yang melibatkan sekurang-kurangnya 1,200 orang pelancong tempatan setahun, dikecualikan daripada cukai pendapatan. [*Tepuk*]. Selanjutnya, saya juga mencadangkan supaya satu hari Sabtu dalam setiap bulan dijadikan hari cuti bagi sektor awam. Pihak swasta adalah juga dialu-alukan untuk mengambil tindakan yang serupa.

Kerajaan juga akan terus mengambil langkah untuk mengurangkan pengaliran wang ke luar negara. Bagi maksud ini, saya mencadangkan supaya pengecualian cukai yang diberikan kepada pekerja ke atas manfaat yang disediakan oleh majikan dalam bentuk pembiayaan perjalanan ke luar negara dihadkan kepada nilai yang tidak melebihi RM3,000. Pengecualian cukai yang serupa untuk

perjalanan dalam negeri sebanyak tiga kali setahun akan dikekalkan supaya ianya dapat membantu pertumbuhan pelancongan dalam negeri.

Negara kita mempunyai Kompleks Sukan Negara, Panggung Negara dan Balai Seni Lukis Negara serta Dewan Philharmonik Petronas yang menyediakan kemudahan bertaraf antarabangsa. Kemudahan ini yang menelan belanja sebanyak RM1.66 bilion hendaklah digunakan sepanjang tahun supaya dapat dimanfaatkan pada paras optimum. Untuk menggalakkan penggunaan kemudahan ini, saya mencadangkan galakan cukai berikut:

- (i) pengecualian cukai diberi ke atas pendapatan yang diperolehi oleh bukan pemastautin yang membuat pertunjukan kebudayaan dan kesenian, pameran dan mengambil bahagian dalam permainan atau pertandingan sukan;
- (ii) penganjur aktiviti sukan, kebudayaan, kesenian, pameran dan pesta yang melibatkan penyertaan negara-negara asing diberikan pengecualian cukai 50% ke atas pendapatan yang diperolehinya;
- (iii) tiket masuk bagi menyaksikan persembahan kebudayaan dan kesenian, pameran, pesta dan pertandingan sukan diberi pengecualian duti hiburan; dan
- (iv) syarikat yang beroperasi di Zon Perindustrian Bebas atau sebagai Gudang Pengilang Berlesen diberi kemudahan pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas barangan yang dijual di Kompleks Sukan Negara, Bukit Jalil melalui pesta jualan yang diluluskan.

Sukan kenderaan bermotor seperti perlumbaan kereta Formula One terbukti dapat menarik pelancong. Memandangkan negara kita akan menganjurkan perlumbaan kereta Formula One pada tahun 1999, acara tersebut boleh dijadikan

acara tahunan utama untuk menarik minat pelancong mengunjungi Malaysia. Bagi tujuan ini, saya mencadangkan galakan cukai seperti berikut:

- (i) pengecualian cukai diberi ke atas pendapatan yang diperolehi oleh pelumba kereta Formula One dan lain-lain perlumbaan bermotor yang diiktiraf yang diadakan di Malaysia; dan
- (ii) penganjur perlumbaan Formula One dan lain-lain perlumbaan bermotor yang diiktiraf yang diadakan di Malaysia diberi pengecualian cukai sebanyak 50% ke atas pendapatan yang diperolehinya.

Langkawi kini terbukti sebagai destinasi pelancongan yang terkemuka dan berupaya menarik pelancong asing kelas atasan, seperti pemilik bot mewah dan kapal layar. Mereka akan lebih tertarik untuk mengunjungi Langkawi sekiranya terdapat satu pusat yang moden bagi membaiki dan menyelenggara bot mewah dan kapal layar. Bagi menjadikan Langkawi sebagai pusat membaiki dan menyelenggara bot mewah dan kapal layar yang terulung di rantau ASEAN, saya mencadangkan supaya aktiviti membaiki dan menyelenggara bot mewah dan kapal layar di Langkawi diberi pengecualian cukai pendapatan selama 5 tahun. [*Tepuk*].

Kemelesetan ekonomi yang berlarutan akan menjejaskan kesejahteraan rakyat, khususnya mereka yang tidak berkemampuan dan kurang upaya. Kerajaan amat prihatin terhadap perkara ini. Sehubungan dengan ini, kerajaan akan memastikan peruntukan yang sewajarnya disediakan dalam tahun 1999 untuk meneruskan bantuan yang telah diberikan kepada golongan ini. Di samping itu, langkah-langkah sewajarnya akan dipertingkatkan untuk membendung kenaikan harga barang-barang harian supaya rakyat tidak dibebankan dengan masalah ini.

Sebanyak RM265 juta disediakan untuk meneruskan agenda masyarakat penyayang melalui program-program pemulihan dan perlindungan bagi golongan

yang memerlukan bantuan, membina dan menaikkan taraf rumah kebajikan dan pembinaan pusat aktiviti perpaduan serta Institut Sosial Malaysia. Bagi melaksanakan program membanteras gejala sosial pula, kerajaan akan menyediakan peruntukan sebanyak RM118 juta. Kerajaan juga akan menyediakan peruntukan sebanyak RM75 juta untuk mempertingkatkan pencegahan dan pemulihan penagihan dadah.

Sebagai langkah berterusan ke arah usaha kerajaan untuk menggalakkan gaya hidup sihat dan mengurangkan gejala sosial, saya mencadangkan supaya:

- (i) duti import ke atas rokok dan lain-lain keluaran tembakau dinaikkan daripada RM138 sekilogram dan RM162 sekilogram kepada RM180 sekilogram. [*Tepuk*]. Bagi rokok yang dikilangkan dalam negara, duti eksais dinaikkan dari RM28.60 sekilogram kepada RM40 sekilogram; [*Tepuk*].
- (ii) duti import dan duti eksais ke atas semua jenis minuman keras dinaikkan sebanyak 20% daripada kadar semasa; [*Tepuk*].
- (i) kadar cukai perjudian dinaikkan dari 7% kepada 8%. Duti pertaruhan dinaikkan daripada antara 5% dan 11.5% kepada 10% dan 12%; dan
- (ii) duti keuntungan kasino yang dikenakan di antara 22% dan 25% diselaraskan kepada kadar 25%.

Usaha kerajaan bagi membasmi kemiskinan melalui Program Pembasmian Rakyat Termiskin, Peningkatan Ekonomi Kampung dan Program Pemulihan Rumah akan diteruskan. Peruntukan sebanyak RM108 juta yang disediakan dijangka akan memanfaatkan seramai 41,300 keluarga miskin.

Penyertaan wanita dalam pembangunan ekonomi telah meningkat dan kian menyerlah. Untuk melengkapkan wanita dengan kemahiran dan pengetahuan di

bidang teknikal, institusi latihan sektor awam dan swasta wajarlah menambahkan pengambilan wanita untuk dilatih dalam bidang perindustrian, kemahiran dan teknologi terkini selaras dengan keperluan industri. Adalah penting wanita diberi latihan kemahiran secara berterusan terutamanya bagi mereka yang ingin kembali aktif bekerja atau yang ingin meningkatkan potensi. Bagi tujuan ini, kerajaan akan menyediakan peruntukan sebanyak RM50 juta sebagai bantuan sokongan kepada program latihan tersebut dan juga sumbangan kepada pertubuhan-pertubuhan wanita. [*Tepuk*]. Program-program ini akan diselaraskan di bawah Jabatan Hal Ehwal Wanita (HAWA).

Kerajaan terus memantapkan usaha-usaha mengukuhkan penghayatan nilai-nilai Islam di kalangan masyarakat Islam di negara kita. Sejumlah RM245 juta disediakan kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan Jabatan Perdana Menteri supaya dapat melipatgandakan rancangan pembangunan ummah secara lebih bersepadu, program pembinaan insan, pembangunan institusi keluarga dan khidmat sosial, penyelarasan undang-undang Syariah serta pembinaan pusat latihan dakwah, masjid dan sekolah agama.

Berhubung dengan pembangunan belia, kerajaan amat peka akan gejala sosial yang berlaku di kalangan belia kita. Peruntukan sebanyak RM37 juta disediakan di bawah Kementerian Belia dan Sukan untuk pelbagai program termasuk Program Rakan Muda yang telah dirombak dan disusun semula. Program Kepimpinan Perdana untuk melahirkan pemimpin masa depan serta program rekreasi, kecergasan dan kegiatan ekonomi juga diteruskan.

Kerajaan akan meneruskan dasar untuk membantu golongan yang kurang mampu. Sejumlah RM440 juta akan disediakan untuk bantuan buku teks dan bantuan makanan tambahan kepada pelajar kurang mampu di seluruh negara. Seramai lebih kurang 4 juta pelajar layak menerima bantuan ini. Selain daripada itu,

kerajaan juga menyediakan bantuan khas berjumlah RM5 juta untuk pelajar Orang Asli.

Sebagai usaha untuk membantu meringankan beban peningkatan kos pengeluaran padi serta menghasilkan pengeluaran padi yang tinggi, kerajaan akan menyediakan peruntukan berjumlah RM131 juta bagi subsidi baja padi. [*Tepuk*]. Bagi tahun 1999, tambahan peruntukan sebanyak RM22 juta diberi untuk meningkatkan bantuan baja padi sebanyak RM50 sehektar. Di samping itu, kerajaan juga terus memberi subsidi harga padi bagi menambahkan pendapatan petani yang melibatkan peruntukan RM410 juta.

Tuan Yang di-Pertua, prospek ekonomi Malaysia bagi tahun 1999 akan dipengaruhi oleh kecepatan pelaksanaan langkah-langkah pemulihan ekonomi. Prestasi ekonomi negara juga bergantung kepada perkembangan ekonomi rakan-rakan perdagangan utama Malaysia khususnya dan pertumbuhan perdagangan dunia amnya.

Berdasarkan kepada perkembangan ini, ekonomi Malaysia dijangka mencatatkan pertumbuhan pada kadar 1%. Oleh kerana kita jangka ekonomi kita akan merosot sebanyak 4.8% tahun ini, pertumbuhan sebanyak 1% bermakna peningkatan sebanyak 5.8%. Jangkaan ini adalah berasaskan andaian bahawa permintaan dalam negeri akan pulih selaras dengan langkah-langkah fiskal dan kewangan yang telah dilaksanakan oleh kerajaan. Kita juga menjangkakan ekonomi di kalangan rakan-rakan perdagangan utama negara khususnya rantau Asia Timur kembali pulih dan pasaran kewangan serantau yang lebih stabil.

Hampir keseluruhan sektor ekonomi, kecuali sektor pembinaan yang masih dalam proses pemulihan, dijangka mencatatkan pertumbuhan positif. Sektor perkilangan dijangka meningkat pada kadar 1% pada tahun 1999 berikutan peningkatan prestasi industri berorientasikan pasaran dalam negeri, terutamanya

industri berkaitan bahan-bahan binaan. Industri berorientasikan pasaran eksport, khususnya industri pengeluaran separa konduktor berkembang selaras dengan permintaan dunia yang lebih tinggi. Sektor pertanian dijangka berkembang pada kadar 3.9%, manakala sektor perlombongan 1.3%. Sejajar dengan pemulihan sektor-sektor utama ini, sektor perkhidmatan dijangka berkembang pada kadar 2.7%. Sektor pembinaan pula dijangka mencatat pertumbuhan negatif sebanyak 8%. Walau bagaimanapun, kadar penguncupan sektor ini adalah lebih kecil daripada prestasi tahun 1998.

Berikutan dengan jangkakan pasaran kewangan serantau dan perdagangan dunia termasuk rantau Asia Timur kembali pulih, akaun dagangan Malaysia dijangka terus mencatat lebih sebanyak RM33.4 bilion pada tahun 1999. Walau bagaimanapun, akaun semasa imbangan pembayaran dijangka mencatat lebih yang lebih kecil sebanyak RM11.0 bilion atau 4.2% daripada KNK disebabkan defisit akaun perkhidmatan, terutamanya aliran keluar bersih pendapatan pelaburan serta perbelanjaan fret dan insurans yang masih tinggi. Sungguhpun demikian, inflasi negara dijangka dapat dibendung dalam lingkungan 4% selaras dengan penetapan kadar pertukaran Ringgit dan kawalan modal jangka pendek. Kadar pengangguran juga dijangka terus terkawal pada tahap yang rendah.

Tuan Yang di-Pertua, sejak kita merdeka Malaysia telah dapat dibangunkan dengan pesat. Kejayaan ini adalah sesuatu yang kita boleh banggakan. Bukanlah mudah bagi sebuah negara berbilang kaum mencapai kejayaan.

Kita telah memilih sistem demokrasi untuk negara kita, satu sistem yang tidak kita kenali di zaman penjajah. Mereka memerintah kita secara 'authoritarian' dan kerap menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri untuk sesiapa yang engkar. Justeru itu amat sukar bagi kita memahami dan mengamalkan cara-cara demokrasi. Tetapi alhamdulillah rakyat Malaysia berjaya mengamalkannya. Kita

berjaya memilih kerajaan melalui pilihan raya. Rakyat menerima dan mengamalkan sistem demokrasi ini dengan bijak tanpa rusuhan dan kegawatan. Keputusan pilihan raya diterima oleh semua pihak, yang menang dan juga yang kalah.

Masalah perkauman yang menghantui kita pada mulanya telah dapat kita bendung melalui agihan kekayaan negara di bawah Dasar Ekonomi Baru. Melalui dasar ini, semua lapisan rakyat daripada semua kaum mendapat habuan mereka secara saksama dan adil.

Kejayaan dan kesan mengagih kekayaan melalui Dasar Ekonomi Baru terbukti apabila tidak ada kejadian rusuhan kaum berlaku ketika negara mengalami kegawatan ekonomi. Rakyat Malaysia berbilang kaum hidup rukun damai dan memiliki perasaan patriotisme yang nyata. Semasa Sukan Komanwel, rakyat Malaysia ternampak begitu bersatu padu dan bersemangat apabila secara spontan mereka bangun menyambut dengan tepuk sorak yang kuat pasukan berbilang kaum Malaysia yang masuk ke stadium. [*Tepuk*]. Lebih daripada itu, tiap kali lagu Negara ku dimainkan mereka bangun dan menyanyi bersama-sama tanpa arahan daripada sesiapa. [*Tepuk*].

Kejayaan Malaysia dalam Sukom adalah hasil dan bukti perpaduan dan semangat nasionalisme yang kuat, baik oleh atlit-atlit kita atau ratusan ribu penyokong yang menyaksikan pertandingan.

Sukom sepatutnya menjadi acara yang tercemerlang yang membanggakan kita. Malangnya ada pihak yang cuba menunjuk kepada pelawat asing dan media asing bahawa Malaysia tidak aman dan tenteram seperti yang dicerminkan oleh Sukom.

Tunjuk perasaan yang diadakan bertujuan mengumpan polis supaya bertindak keras dalam menguatkuasakan undang-undang. Dengan itu, maka berpeluangleh media asing melaporkan berkali-kali melalui televisyen keburukan Malaysia

kononnya. Media asing menggunakan gambar-gambar ini seolah-olah rusuhan dan tunjuk perasaan di negara tercinta ini berlaku 24 jam sehari dan tiap-tiap hari.

Tujuan media asing yang disokong oleh pihak tertentu dalam negara kita ialah supaya dunia memandang hina kepada kita. Tujuannya juga ialah supaya pelancong dan peniaga asing tidak datang ke Malaysia. Dengan itu hotel, kedai dan peniaga kecil dan besar akan rugi. Dengan itu juga pemulihan ekonomi negara kita menjadi lebih sukar dan huru-hara mungkin berlaku.

Negara ini adalah demokratik dan mengamalkan pemerintahan mengikut undang-undang. Negara kita aman dan tenteram selama ini kerana kita berpegang teguh kepada amalan-amalan demokratik dan kita menyelesaikan sebarang tuduhan melalui undang-undang. Jika kita berpendapat kepimpinan negara perlu ditukar kita boleh melakukannya melalui pilihan raya. Di negara ini, tidak seperti di setengah negara lain, parti lawan bebas dan boleh menang sehingga dapat mendirikan kerajaan.

Pengadilan dalam negara kita dibuat melalui proses penghakiman yang tertib dan teratur. Parti kerajaan dan pemimpinnya tidak terkecuali daripada didapati bersalah dan dihukum oleh mahkamah di Malaysia. Pernah berlaku Parti Kerajaan diharamkan oleh mahkamah. Biasa berlaku pemimpin Parti Kerajaan dihukum penjara bahkan dihukum mati. Sebaliknya, kadang-kadang ternampak seolah-olah parti lawan memiliki hak istimewa. Hukuman ke atas mereka diringankan supaya mereka tidak kehilangan kerusi. [*Tepuk*].

Memandangkan betapa proses penghakiman di negara ini tidak mengenal bulu dan berpegang teguh kepada prinsip, sepatutnya semua pihak mencari penyelesaian terhadap apa-apa tuduhan melalui perbicaraan di mahkamah.

Amat malang sekali apabila percubaan dibuat untuk mengadili melalui '*mob-rule*', dengan mengadakan tunjuk perasaan dan rusuhan. Adakah ini bentuk

reformasi yang hendak diperkenalkan? Apakah penggantian proses undang-undang dan demokrasi dengan 'mob-law', dengan huru-hara, dengan memburukkan imej dan keadaan dalam negara merupakan jenis reformasi yang hendak diamalkan di Malaysia yang tercinta ini? Apakah mereka menjadi patriot negara dengan pergi ke negara-negara asing untuk memburukkan negara sendiri, untuk mendapat sokongan daripada mereka yang menghina proses undang-undang dan kebebasan negara kita?

Tuan Yang di-Pertua, negara masih mengalami kegawatan ekonomi. Daripada perbuatan dan tindakan pedagang mata wang, pelabur jangka pendek di bursa saham kita, agensi penarafan seperti Moodys dan Standard and Poor dan Media Barat, ternampak jelas mereka ini ingin memusnahkan ekonomi negara kita supaya kita terpaksa mengikut telunjuk mereka.

Rakyat Malaysia yang patriotik tentu tidak akan bersubahat dengan mereka ini. Rakyat Malaysia yang bersubahat dengan mereka, rakyat Malaysia yang meminta pertolongan daripada musuh-musuh negara ini tentulah mengkhianati negara. *[Tepuk]*.

Bandingkan mereka yang bersubahat ini dengan rakyat Malaysia yang menyumbang kepada Dana Khas Negara yang sehingga kini berjumlah RM34.8 juta. Jumlah ini tidaklah besar berbanding dengan berbilion-bilion yang diperlukan untuk memulih ekonomi negara. Tetapi ia mencerminkan kesetiaan, rasa tanggungjawab dan patriotisme rakyat Malaysia. *[Tepuk]*. Bagi pihak kerajaan saya ucapkan terima kasih kepada mereka. *[Tepuk]*.

Alangkah baiknya jika semua rakyat bersikap seperti ini. Adalah penting rakyat menyedari bahawa negara kita berada di dalam keadaan ekonomi yang sukar akibat kejatuhan nilai Ringgit dan kemerosotan pasaran saham serta defisit yang agak besar dalam kewangan kerajaan. Justeru itu, kerajaan berharap orang ramai akan memahami langkah-langkah yang terpaksa diambil oleh kerajaan untuk

mengukuhkan kedudukan kewangannya. Kesediaan rakyat untuk berkorban dan menerima langkah ini akan membantu mempercepat pemulihan ekonomi.

Walaupun negara telah dimiskinkan, kita masih mempunyai kekuatan berdikari dan mempertahankan kedudukan kita bagi meneruskan perjuangan untuk merangsang semula pertumbuhan ekonomi. Kita harus bersyukur kerajaan masih dapat mengadakan segala keperluan rakyat dengan memastikan bidang-bidang penting seperti pendidikan, kesihatan, pembangunan desa dan bantuan-bantuan kepada golongan-golongan miskin tidak diabaikan. Malahan peruntukan kewangan bagi keperluan mereka ini ditambah.

Kerajaan amat menghargai sikap kesatuan-kesatuan sekerja yang memahami keadaan gawat yang dihadapi oleh negara dan bersedia untuk bekerjasama dengan kerajaan dalam menangani segala rintangan terhadap usaha memulihkan semula ekonomi. Tidak seperti di negara-negara lain, pekerja Malaysia dan kesatuan-kesatuan mereka tidak sengaja membuat tuntutan-tuntutan yang keterlaluan pada masa ini, walaupun mereka terpaksa menghadapi kesulitan dalam kehidupan harian. Terima kasih saya ucapkan kepada mereka. [*Tepuk*].

Kita telah buktikan kebolehan kita. Negara kita tidak lagi seperti dahulu di waktu mana orang asing tidak ketahui di mana Malaysia dan menganggap negara kita sebuah negara membangun yang kolot. Sekarang, dari segi pembangunan dan kemudahan infrastruktur kita hampir sama dengan negara maju. Kita memiliki lapangan terbang yang canggih dan indah, bangunan pencakar langit yang tertinggi di dunia, peratusan kemiskinan yang terendah antara negara-negara membangun dan pendapatan per kapita yang tinggi kuasa belinya. Kita berjaya mengadakan kemudahan yang canggih untuk sukan dan mampu mengurus acara sukan raksasa secara yang lebih baik daripada negara maju dan banyak lagi tanda-tanda kemajuan kita.

Peranan Malaysia dalam forum dan arena antarabangsa masih utuh walaupun kita menghadapi masalah ekonomi. Baru-baru ini Malaysia telah mendapat undi terbanyak iaitu 174 daripada 176 undi [*Tepuk*] untuk menjadi ahli bukan tetap Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu selama dua tahun bagi tempoh 1999 hingga 2000.

Semua ini adalah hasil usaha rakyat berbilang kaum yang rajin, tekun, cintakan keamanan dan menghormati undang-undang. Saya yakin, insya-Allah, dengan sikap dan sokongan yang ada kepada majoriti rakyat dan pendekatan yang telah dicipta oleh kerajaan yang demokratik dan adil, negara kita akan dapat dipulihkan semula dan dengan itu usaha untuk menjajahkan kita semula akan gagal. Belanjawan ini adalah satu daripada usaha kita untuk mengekalkan kemerdekaan dan memulihkan ekonomi negara tercinta ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadang. [*Tepuk*].

Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1999

5.57 ptg.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa usul di atas nama saya di dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini yang berbunyi:

“Bahawa Dewan ini mengikut Seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih RM18,053,037,700 dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 1999, bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1999 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 23 Tahun 1998 adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut.”

Diserahkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 66(3) perbahasan di atas usul-usul bagi bacaan kali yang kedua atas Rang Undang-undang Perbekalan 1999 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 1999 hendaklah ditangguhkan kepada suatu tarikh tidak kurang daripada dua hari setelah usul-usul tersebut dicadang dan disokong. Oleh yang demikian, mesyuarat Dewan ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Isnin, 26 Oktober 1998.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.00 petang.